


16 - 30 JUN, 2024

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# 10 tahun main peranan penting




**PUSAT Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang yang terletak di Kompleks Pasar Awam MBPP dekat Balik Pulau.**

**LIM Chyun Huey (kanan sekali) bersama-sama jururawat terlatih yang mengendalikan Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang.**

**PUSAT** Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang merupakan inisiatif Kerajaan Negeri yang bertujuan memberikan kemudahan rawatan khusus kepada pesakit buah pinggang kurang berkemampuan di negeri ini.

Terletak di Kompleks Pasar Awam Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di Balik Pulau, pusat berkaitan telah memainkan peranan penting dalam memastikan mereka yang memerlukan menerima rawatan sewajarnya pada kos berpatutan.

Baru-baru ini, sempena sambutan ulang tahun ke-10 Pusat Dialisis CAT Pulau Pinang, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar **AHMAD ADIL MUHAMAD** berkesempatan mengaturkan wawancara khas dengan Ketua Jururawat Senior pusat dialisis berkenaan, **LIM CHYUN HUEY**.

Menurut Chyun Huey, sejak 10 tahun lalu, pusat dialisis tersebut telah berjaya menyembuhkan seramai lebih 300 pesakit.

“Pesakit buah pinggang secara amnya perlu menjalani rawatan dialisis sebanyak tiga kali seminggu selama tempoh empat jam.

“Di sini, waktu rawatan terbahagi kepada tiga syif yang bermula pada jam 6.30 pagi sehingga 8 malam, dan kebanyakan pesakit juga dari luar daerah (Barat Daya) serta bukan kawasan sekitar," ujarnya memulakan bicara pada sesi wawancara pada 24 April lalu.

Mengulas lanjut, Chyun Huey memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa cakna akan kebajikan rakyat dan keperluan di pusat berkenaan.

"Kerajaan Negeri turut memperuntukkan kos lebih RM1.4 juta untuk meringankan beban pesakit yang tidak berkemampuan.

*(Sambungan di muka 2).*

# Naik taraf Terminal Bas Sungai Nibong Fasa 1 siap




JASON H'ng Mooi Lye (barisan hadapan, tiga dari kiri) bersama-sama barisan jemputan kehormat menyempurnakan Majlis Perasmian Terminal Bas Sungai Nibong di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU UBAN –** Projek naik taraf Terminal Bas Sungai Nibong Fasa 1 bernilai hampir RM7 juta yang dilaksanakan sejak tahun 2021 kini telah siap.

Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye berkata bahawa projek secara usaha sama itu merangkumi kerja-kerja menaik taraf fasiliti fizikal termasuk sistem *Easybook Terminal Management System* (ETM).

"Kemudahan di terminal ini telah dipertingkatkan ke arah mesra pengguna terutama untuk orang kurang upaya (OKU) dan warga emas seperti eskalator, lif termasuk sistem pembelian tiket secara dalam talian yang dapat menjimatkan masa serta tenaga.

"Selain itu, kemudahan tempat letak kenderaan (kereta dan motosikal) juga telah diturap dan dilengkapi dengan kemudahan kamera litar tertutup (CCTV) bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna melalui pemantauan 24 jam," ujarnya ketika hadir pada Majlis Perasmian Terminal Bas Sungai Nibong yang terletak bersebelahan Tapak Pesta Sungai Nibong di sini 14 Mei lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan; Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Sr. Cheong Chee Hong; Ketua Bahagian Pengurusan dan Pelaburan Harta UDA Holdings Berhad (UDA PIMD), Mohd. Nazri Jamiran; Pengarah Urusan dan Pengasas Easybook (M) Sdn. Bhd. *(Easybook)*, William Lee dan lain-lain berkaitan.

Difahamkan, pengurusan terminal milik MBPP itu dikendalikan oleh UDA PIMD menerusi kerjasama strategik dengan *Easybook* yang mana pihak berkaitan *(Easybook)* juga merupakan syarikat yang bertanggungjawab melaksanakan kutipan caj terminal, pengurusan dan pengawalseliaan operasi terminal, pembersihan dan sistem keselamatan terminal pada tempoh Ogos 2021 hingga Ogos 2024.

Mengulas mengenai projek menaik taraf Fasa 2 di terminal tersebut, Mooi Lye memberitahu bahawa pihaknya menyerahkan sepenuhnya kepada MBPP.

"Antara kerja-kerja Fasa 2 yang saya difahamkan adalah naik taraf bumbung yang turut melibatkan kontrak penambahan lagi tiga tahun," katanya yang juga ADUN Jawi.

Usai majlis berkaitan, wartawan Buletin Mutiara berkesempatan menemu bual beberapa pengunjung antaranya pelajar Universiti Sains Malaysia (USM), **VANESSA SZE LING**, 20-an, yang menggunakan perkhidmatan di terminal tersebut sejak tahun lepas.

"Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan naik taraf melibatkan tandas, kedai, lif dan tangga elektrik untuk kemudahan umum.

*(Sambungan di muka 15).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Cakna kebajikan rakyat



PEMANTAUAN rapi yang dijalankan.

"Sebagai makluman, kos rawatan bagi seorang individu yang menghidap penyakit buah pinggang agak tinggi, apatah lagi jika mereka (pesakit dan waris) tidak tahu cara untuk mendapat saluran bantuan yang betul.

"Seperti di sini, pesakit hanya perlu membayar RM10 bagi setiap rawatan yang diterima kerana pusat dialisis ini telah menerima subsidi daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)," jelasnya.

Pada peringkat awal, kata Chyun Huey pusat dialisis tersebut hanya boleh merawat dua pesakit dalam satu-satu masa.

"Kini dengan adanya mesin dialisis sebanyak 14 unit, lebih ramai pesakit boleh dirawat pada satu-satu masa mengikut sesi janji temu yang telah diaturkan," katanya lagi.

Mengikut Chyun Huey, sekiranya seseorang individu telah dianalisis memerlukan rawatan dialisis dan buntu untuk mendapatkan pembiayaan, mereka boleh hadir ke pusat tersebut.

"Ada pesakit yang tidak tahu cara memohon bantuan untuk membiayai kos rawatan tetapi ada juga yang telah memohon bantuan rawatan melalui saluran lain yang mana kesudahannya tidak menepati syarat atau tidak layak (mendapatkan rawatan) di sini," ulasnya lanjut.

## Tabiat pemakanan

Bercerita mengenai punca kegagalan buah pinggang, Chyun Huey memberitahu bahawa ia bergantung terhadap tabiat pemakanan seseorang.

"Selain tabiat pemakanan, penyakit lain seperti darah tinggi *(hypertension)* dan diabetes juga boleh menjadi punca kegagalan buah pinggang.

"Saya ingin menegaskan bahawa mencegah lebih baik daripada mengubati, oleh itu pemeriksaan kesihatan wajar dilakukan setiap tahun termasuk ujian darah bagi menentukan anda berada dalam kumpulan berisiko tinggi atau tidak.

"Jika terdapat penyakit yang berjaya dikesan awal, pesakit boleh mendapatkan rawatan dengan segera tanpa perlu menjalani rawatan hingga ke peringkat dialisis.

"Sekiranya terjadi, rawatan melalui dialisis ini juga boleh memanjangkan jangka hayat pesakit jika pesakit benar-benar berdisiplin menjaga pemakanan dan hadir mendapat rawatan mengikut waktu ditetapkan," katanya yang turut berkongsi pengalaman menjaga pesakit tidak kira sama ada tua mahupun muda sepanjang berkhidmat di Pusat Dialisis CAT Pulau Pinang ini.

## Fasiliti

Difahamkan, selain usaha sama dengan syarikat pembekal peralatan perubatan, *B. Braun Medical Industry (B. Braun)* yang turut menaja mesin dialisis, pusat berkenaan kini mempunyai seramai 14 kakitangan perubatan yang bertugas enam hari seminggu.

Sebelum mengakhiri sesi wawancara, Chyun Huey sempat berkongsi cabaran dan harapannya dalam mengoptimumkan perkhidmatan serta mengendalikan keseluruhan pusat secara digital.

"Tugas menguruskan pusat dialisis ini bukan sesuatu yang mudah, jururawat di sini juga dilatih terlebih dahulu untuk menggunakan mesin dialisis serta tahu untuk memberi sokongan terhadap pesakit yang memerlukan khidmat nasihat bagi menjamin bukan sahaja kesihatan fizikal, bahkan juga mental.

"Ruangan di pusat dialisis ini juga agak terhad dan pasukan kami di sini mencuba yang terbaik memuatkan pesakit mengikut kapasiti ruang sedia ada, oleh itu menjawab tentang perancangan masa hadapan, sudah tentu saya ingin (pusat dialisis) ini ditambah baik dengan ruang lebih luas dengan menambah unit mesin dialisis agar dapat memberi manfaat kepada lebih ramai pesakit.

"Walaupun perancangan tersebut akan memakan sedikit masa dek perlu mengikut ketetapan prosedur dan juga kelulusan KKM, saya berharap dengan penambahan mesin dialisis serta ruang dapat memberi manfaat serta keselesaan kepada pesakit kelak," katanya menutup bicara.

# Penuhi hasrat penduduk, naik taraf gelanggang bola keranjang



RAKAM gambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri usai Majlis Perasmian Gelanggang Berbumbung Taman Gamelan Indah di sini baru-baru ini.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT TAMBUN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan sejumlah RM528,957 bagi membina struktur berbumbung gelanggang bola keranjang dan kerja-kerja berkaitan di Taman Gamelan Indah dekat sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pelaksanaan projek tersebut adalah bagi memenuhi hasrat penduduk setempat sebagaimana yang dibangkitkan dalam siri jelajah 'LovePENANG' sebelum ini.

"Dalam memastikan Visi Penang2030 untuk melahirkan Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara menjadi satu kenyataan, usaha meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti hidup warga negeri merupakan antara aspek paling penting yang perlu diberikan perhatian khusus.

"Maka, pembinaan struktur berbumbung gelanggang bola keranjang ini adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri serta penduduk setempat di sini yang mana secara tidak langsung dapat melahirkan sebuah komuniti yang sihat, mampan serta bahagia.

"Justeru, saya mengucapkan terima kasih kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dan semua pihak yang terlibat kerana berjaya merealisasikan permintaan rakyat di kawasan ini," katanya semasa berucap pada Majlis Perasmian Gelanggang Berbumbung Taman Gamelan Indah di sini 3 Mei lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Arshad dan Pegawai Daerah & Tanah Daerah Seberang Perai Selatan, Khairulnizam Hashim.

Pada masa sama, Kon Yeow berharap agar kemudahan tersebut dapat digunakan dan dipelihara dengan baik oleh penduduk setempat.

"Semoga kemudahan ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga di sini," katanya.

Sementara itu, Azhar menyatakan bahawa kerja-kerja menaik taraf gelanggang bola keranjang Taman Gamelan Indah kini telah mencapai 90 peratus dan siap sepenuhnya pada 26 Mei 2024.

"Gelanggang ini sudah boleh digunakan kerana kerja-kerja masih belum selesai hanya melibatkan pemasangan pagar dan mengecat lantai yang mana ia tidak akan mengganggu aktiviti yang ingin dilakukan di sini," jelasnya.




RUPA bentuk gelanggang yang siap dinaik taraf.

# Noktahkan miskin tegar

**MACHANG BUBUK -** Kerajaan Persekutuan akan terus memperkukuh pendekatan dari bawah ke atas dengan membuat dasar dengan mendapatkan maklum balas secara langsung daripada rakyat kebanyakan.

Bagi memperkukuh pendekatan itu, Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim berharap sekalian anggota Jemaah Menteri hingga penjawat awam gred atasan supaya memilih kawasan kampung bagi mendapatkan maklum balas secara langsung daripada mereka yang berkenaan.

Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Tambun, Perak itu berkata demikian semasa berucap pada Majlis Kenduri Rakyat anjuran Pejabat Perdana Menteri (PMO) di Kampung Cheruk To' Kun di sini pada 5 Mei 2024.

"Saya akan bentang dalam Mesyuarat Jemaah Menteri… semua menteri kena pilih kampung… pergi ke kampung dengar masalah orang kampung.

"Saya percaya dengan cara ini (pendekatan dari bawah ke atas), boleh selesai (isu penyaluran bantuan tanpa berlaku ketirisan)… kerana saya lihat peruntukan (bagi membantu rakyat terpilih) banyak," jelasnya.

Dalam belanjawan Madani pada tahun hadapan, Anwar mencadangkan penyaluran peruntukan Persekutuan kepada kampung minimum RM50,000 sampai kadar maksimum RM100,000 untuk program ekonomi rakyat pada peringkat kampung masing-masing.

"Ini, suatu pendekatan yang akan kita buat… bentuk projek bukan saya atau pegawai pertanian yang putuskan sebaliknya, orang kampung boleh tentukan sendiri," ujarnya.

Selain itu, Anwar menyatakan bahawa cadangan pelaksanaan kenaikan gaji kira-kira 13 hingga 15 peratus kepada sekalian penjawat awam bermula pada bulan Disember, sebagaimana diumumkan semasa Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan pada 1 Mei lepas, susulan mendapat maklum balas daripada pihak berkenaan sebelum ini.

Berucap sebelum itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memuji komitmen pentadbiran Anwar dalam menoktahkan isu kemiskinan tegar sampai angka sifar di Pulau Pinang pada bulan Jun ini.

Sehingga sehingga 29 April 2024, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa Pulau Pinang mencatatkan seramai 45 Ketua Isi Rumah (KIR) dalam kategori miskin tegar berbanding 4,949 KIR pada 31 Januari 2023.

"Justeru, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan syabas kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan semua pihak yang bertungkus lumus dalam mengenal pasti keluarga yang terlibat dan menyalurkan bantuan supaya keluarga ini keluar daripada garis kemiskinan tegar.

"Ketika ini, ICU (Jabatan Perdana Menteri) telahpun menyalurkan bantuan khas kewangan selama tiga bulan berturut-turut bermula April sehingga Jun 2024 kepada KIR yang terlibat dalam usaha mencukupkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan.

"Kini, tiada lagi keluarga yang tergolong di bawah garis kemiskinan tegar di Pulau Pinang, dan Kerajaan Negeri akan berusaha memastikan data ini dapat dikekalkan sehingga bantuan khas ini dihentikan pada Julai kelak," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Turut serta, Menteri Sumber Manusia merangkap Ahli Parlimen Bukit Mertajam; Steven Sim Chee Keong; Menteri Pendidikan merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal, Fadhlina Sidek; mantan Ketua Menteri Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Lim Guan Eng; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Rosli Isa.

# Masjid Kapitan Keling

## sasar baiki bumbung segera

**SEBAGAI** bangunan warisan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan (UNESCO) Kategori 1, baru-baru ini pihak pengurusan Masjid Kapitan Keling telah menerima dana bernilai RM200,000 bagi tujuan pembaikan dan pemuliharaan bangunan tersebut.

Dana berkaitan disampaikan oleh Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menerusi *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) dalam satu majlis rasmi pada 29 April lalu.

Susulan itu, penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama jurugambar, **SIEW CHIA EN** sempat menemu ramah Pengerusi Masjid Kapitan Keling, **DATO' FARUK RAJA MOHAMED** atas inisiatif pihak pengurusan berkaitan dalam menambah baik masjid ikonik itu melalui dana tersebut.



KEINDAHAN dan keunikan Masjid Kapitan Keling yang sentiasa menjadi tarikan.



**FARUK Raja Mohamed.**

Faruk menyifatkan bahawa dana berjumlah RM200,000 itu diterima tepat pada masanya berikutan berlaku kerosakan pada struktur bumbung masjid sehingga menyebabkan rasa kurang selesa dalam kalangan jemaah.

"Makin lama kerosakan makin bertambah, banyak bahagian bumbung masjid ini bocor yang mana saya difahamkan sekarang ada sembilan kebocoran telah dikesan.

"Kalau hujan lebat berterusan hingga 45 minit, memang air akan turun sehingga ke dewan solat utama, jadi itu sudah pasti akan mendatangkan ketidakselesaan kepada jemaah.

"Kakitangan masjid terpaksa menadah air hujan dengan baldi atau menggulung karpet untuk mengelakkan daripada basah dan rosak," ujarnya ketika menerima kunjungan Buletin Mutiara seusai solat Jumaat pada 3 Mei lalu.

Setiausaha Masjid Kapitan Keling, **MOHAMED RIZWAN ABDUL GHAFOOR KHAN** turut mengiringi Faruk dalam sesi temu bual berkenaan.

Mengulas lanjut, Faruk menyatakan bahawa ini merupakan kali kedua Masjid Kapitan Keling menerima dana daripada UNESCO selepas 15 tahun.



**MOHAMED Rizwan Abdul Ghafoor Khan.**

"Perolehan kali pertama digunakan untuk memperbaiki kubah masjid pada ketika itu oleh kontraktor daripada Australia.

"Individu penting di sebalik kelulusan dana ini tidak lain tidak bukan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang meminta pihak pengurusan membuat surat permohonan kepada GTWHI ketika diajukan permasalahan bumbung tersebut," jelasnya.

Mengulas lanjut, Faruk optimis bahawa perbincangan lanjut dengan pihak kontraktor untuk mencari solusi terbaik bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi kini.

"Ini merupakan salah sebuah masjid ikonik di Pulau Pinang, jadi sepanjang kerja-kerja dijalankan kelak, kita mahu minimumkan gangguan kepada jemaah yang mengerjakan solat atau aktiviti lain.

"Kita perlu bincang dengan kontraktor bagaimana kita mahu lakukan pembaikan ini dengan lancar tanpa ada gangguan yang besar.

"Selain itu, bangunan warisan Kategori 1 ini juga perlu dibaiki dengan berhati-hati sebab bahan yang digunakan mempunyai spesifikasi tersendiri, contohnya struktur bumbung menggunakan pasir laut, bumbung daripada tanah liat untuk serap haba bahkan didatangkan khas dari Kerala, India dan ia adalah bumbung asli.

"Sebelum ini pun pernah kami ketuk-ketuk simen di masjid ini jumpa kulit siput di dalamnya, ini salah satu bukti bahawa struktur masjid ini dibina menggunakan pasir pantai juga," maklumnya yang turut memberitahu kos sebenar untuk membaik pulih adalah sekitar RM395,000.

Tambah Faruk, Masjid Kapitan Keling sebelum ini juga pernah diserang masalah anai-anai, namun pihak pengurusan masjid telah mengambil langkah awal sebelum isu tersebut menjadi lebih besar.

*(Sambungan di muka 5).*



# Insentif pembaikan, usaha pulihara integriti seni bina bangunan warisan

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus memelihara dan memulihara integriti seni bina serta kepentingan sejarah bangunan warisan yang terdapat di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Perkara itu dimaklumkan sendiri oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada Majlis Penyerahan Cek Cura Insentif Pembaikan Bangunan Warisan Kategori I Dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town di sini pada 29 April lalu.

Menurut Kon Yeow, usaha Kerajaan Negeri melalui *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) bukan sekadar memberi galakan malahan menyediakan peruntukan atau geran bagi memastikan keunikan Warisan Kebudayaan Ketara yang menjadi kebanggaan rakyat Pulau Pinang dapat dikekalkan dan dinikmati oleh generasi akan datang.

"Pemberian insentif pembaikan ini adalah selaras dengan matlamat peruntukan RM25 juta melalui Geran Inisiatif Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri Pulau Pinang.

"Diharapkan, insentif yang diterima ini dapat dimanfaatkan untuk membaik pulih bangunan warisan Kategori I agar terus menjadi legasi untuk generasi akan datang," ujarnya ketika menyampaikan ucaptama pada majlis penyerahan cek cura berkaitan.



**PARA penerima merakam momen bersama-sama Ketua Menteri usai Majlis Penyerahan Cek Cura Insentif Pembaikan Bangunan Warisan Kategori I Dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Wong Yuee Harng; Pengurus Besar, George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Dr. Ang Ming Chee; Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI), Datin S. Bharati dan Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Sr. Cheong Chee Hong.

Dalam pada itu, menurut Kon Yeow, sebanyak 76 permohonan diterima oleh GTWHI bagi insentif pembaikan bangunan warisan Kategori I dan 437 permohonan bagi Kategori II sepanjang tempoh 8 Januari sehingga 8 Mac 2024.

"Jumlah permohonan ini menggambarkan tahap kesedaran tinggi dalam kalangan masyarakat mengenai pemeliharaan bangunan warisan di George Town.

"Malah, konsep insentif pembaikan yang berasaskan komuniti seperti ini adalah lebih sesuai untuk negeri madani kita.

"Tahniah kepada 47 penerima yang berjaya (permohonan diluluskan) dengan pemberian insentif sebanyak RM6.49 juta keseluruhannya," katanya yang turut meluangkan masa menyampaikan cek cura berserta surat tawaran rasmi kepada semua penerima di sini.

Sementara itu, Ming Chee memaklumkan bahawa insentif tersebut merupakan inisiatif strategik yang dilaksanakan di bawah Geran Inisiatif Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia oleh Kerajaan Persekutuan melalui Belanjawan 2023 berjumlah RM50 juta kepada negeri Pulau Pinang dan Melaka (masing-masing menerima RM25 juta).

"Tujuannya adalah mengukuhkan status Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan melindungi Nilai Keunggulan Sejagat melalui tiga komponen projek.

"Komponen Insentif Pembangunan bagi Kategori I dan II adalah untuk aspek membaiki fizikal bangunan, Komponen Pembinaan Kapasiti pula adalah melalui empat projek berasaskan komuniti dalam mendedahkan pengetahuan warisan budaya kepada semua pemegang taruh.

"(Dan) Komponen Penambahbaikan Kebolehcapaian membabitkan penaiktarafan kaki lima, penunjuk arah serta penubuhan Pusat Penyelidikan, Pendidikan dan Pembelajaran Warisan George Town yang pertama di Malaysia," jelasnya.

Masjid Melayu Lebuh Acheh; Masjid Benggali; Masjid Kapitan Keling; Makam Dato' Koyah; Makam Syed Hussein Al-Aidid; Tokong Kuan Im; Persatuan Kwangtung & Tengchow; King Street Tua Pek Kong Temple; Gereja St. George; Gereja Assumption; Kuil Sri Maha Mariamman; Rumah Agam Cheong Fatt Tze; Balai Bomba dan Penyelamat Lebuh Pantai serta Yap Kongsi antara beberapa bangunan warisan Kategori I yang menerima insentif pembaikan ini.

*(Sambungan dari muka 4).*

# Kembalikan keindahan

"Bab bumbung ini juga meliputi hal keselamatan yang perlu kita titik beratkan, lagipun sekiranya anda perasan kalau tengok dari luar, bumbung masjid ini warnanya sudah tidak sekata lagi.

"Selepas kerja-kerja pembaikan, diharap dapat mengembalikan keindahan Masjid Kapitan Keling sebagai salah satu identiti kepada Bandar Raya George Town," jelasnya.

Difahamkan, bagi meningkatkan lagi fungsi masjid, bangunan baharu juga sedang dirancang untuk didirikan di kawasan sekitar bagi menggantikan binaan lama.

Walau bagaimanapun, Buletin Mutiara dimaklumkan bahawa bangunan di kawasan masjid itu bukanlah berstatus warisan tetapi masih memerlukan kebenaran daripada pihak berkuasa kerana dibimbangi menggugat status warisan Kategori 1.

"Projek tersebut perlukan kelulusan Jabatan Warisan Negara, walaupun bukan *'heritage'* tetapi ia berada di kawasan warisan.

"Kita bercadang mewujudkan dewan serbaguna, perpustakaan Islam, bilik kuliah, tahfiz dan aspek-aspek lain yang menjadi keperluan semasa bagi jemaah di sini," katanya menutup bicara.





**KEBOCORAN pada struktur bumbung yang dikesan.**

# Naik taraf Kompleks Makanan Taman Tun Sardon wajar



RUPA bentuk Kompleks Makanan Taman Tun Sardon kini.

**BARU-BARU** ini, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan bahawa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah meluluskan RM3.3 juta bagi projek membina semula Kompleks Makanan Taman Tun Sardon demi keselesaan para pengunjung serta peniaga di sini.

Difahamkan, projek berkaitan dijangka akan diusahakan menjelang Ogos tahun ini, dan mengambil masa 15 hingga 18 bulan untuk disiapkan.

Justeru, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** berkesempatan membuat tinjauan lapangan serta mendapatkan maklum balas lanjut daripada peniaga mengenai projek pembaikan dan menaik taraf kompleks makanan tersebut.

Bagi **YUSNI IBRAHIM**, 47, beliau berpendapat bahawa kerja menaik taraf berkaitan adalah wajar dilaksanakan dek keadaan terkini yang tidak begitu kondusif.

"Jika dilihat keadaan kompleks makanan kini adalah agak lama dan sememangnya tidak begitu selesa kerana ruangan tersedia sempit bagi peniaga.

"Arwah ayah saya telah berniaga di sini sejak tahun 1980, dan di sini juga merupakan sumber mata pencarian kami sekeluarga, jika kami dipindahkan ke tempat lain untuk berniaga sementara, saya ikutkan sahaja arahan daripada pihak berkuasa.

"Diharapkan dengan pembaharuan yang bakal membawa keceriaan di sini bakal menjamin keselesaan bukan sahaja pengunjung, bahkan juga peniaga," ujarnya yang menjual aneka kuih muih di kompleks berkaitan dekat sini.

Menurut peniaga makanan India, **G. NAGESWARY**, beliau bersyukur kerana tidak lama lagi kompleks makanan tersebut bakal berwajah baru.

"Saya berniaga sudah lebih 30 tahun, pada peringkat awal kompleks makanan ini dibina, belum ada lagi pembahagian lot gerai seperti sekarang ini.

"Kini, mungkin telah tiba masanya untuk (kompleks makanan) ini dinaik taraf semula terutamanya bagi kepentingan pengunjung serta peniaga dan secara tidak langsung peniaga berupaya menjana ekonomi dengan lebih baik," katanya yang pernah memenangi Anugerah Gerai Terbaik dalam Kompleks Makanan MBPP 2023.


G. Nageswary.

Selain itu, menurut **GARY CHIN BOON HOI**, 51, beliau berharap nilai warisan dan keaslian kompleks makanan tersebut dapat dikekalkan.

"Umum mengetahui Pulau Pinang terkenal dengan unsur warisan yang dipulihara secara berterusan.

"Begitu juga harapan saya untuk kerja menaik taraf pada kali ini, diharapkan pihak MBPP berupaya mengekalkan keaslian reka bentuk kompleks makanan ini tanpa perlu meroboh bangunan.

"Sehubungan itu, saya juga mahu pelancong yang datang dari luar turut merasai nilai warisan yang diterapkan di negeri kita," jelasnya yang mengambil alih perniagaan kuetiau ibunya sejak 12 tahun lalu.

Seorang lagi peniaga, **NASYITAH NAZARI** yang merupakan peniaga air minuman pula berkongsi kegusarannya mengenai implikasi projek berkenaan terhadap peniaga dan pengunjung.

"Kami (peniaga) difahamkan akan berpindah sementara di hadapan kawasan masjid yang acap kali sesak dan sukar untuk memarkir kereta.

"Secara tidak langsung, pengunjung akan berasa sukar untuk berhenti membeli dek keadaan yang sesak dan sukar, jika boleh saya berharap agar pihak MBPP boleh memindahkan peniaga ke hadapan kawasan flat di sini," serunya yang berharap agar lebih ramai pengunjung datang ke kompleks makanan berwajah baru kelak.


GARY Chin Boon Hoi.


NASYITAH Nazari.

Seorang lagi peniaga, **SITI FARIZA HAFAZ**, 37, turut berkongsi berita gembira mengenai kerja-kerja menaik taraf yang bakal dilaksanakan.

"Sebelum ini, gerai saya tidak mempunyai pintu belakang, tetapi sejurus membuat rayuan kepada MBPP, akhirnya saya telah mendapat keizinan.


SITI Fariza Hafaz.

"Saya berpendapat bahawa peruntukan yang tersedia digunakan untuk menaik taraf keadaan kompleks makanan ini secara keseluruhan di samping mengekalkan warisan tempat ini.

"Tidak banyak kompleks makanan yang masih 'lama' seperti ini, kebanyakannya sudah berwajah baru, oleh itu diharapkan ruangan baru akan lebih selesa dan boleh memuatkan 800 pengunjung dalam satu-satu masa," ulasnya lanjut.



YUSNI Ibrahim (tengah) dan keluarga.

# Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah jangka dibuka akhir tahun

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



**(Dari kanan), LAY Hock Peng, Dr. Stephen Chia, Wong Hon Wai, Dr. Mokhtar Saidin, S. Bharathi dan Mohamad Haris Kader Sultan ketika mengadakan lawatan ke Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah di sini baru-baru ini.**

**PINANG TUNGGAL –** Kerja-kerja pembinaan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah dekat Seberang Perai Utara (SPU) telah mencapai kemajuan 98 peratus dan dijangka dapat dibuka kepada umum pada akhir tahun ini.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai berkata bahawa galeri warisan tersebut bukan sahaja penting untuk sektor pelancongan negeri tetapi turut menjadi tarikan utama bagi laluan pelancongan yang baru di kawasan utara Semenanjung tanah air.

"Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) mewakili Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Warisan Negara (MOTAC) dan Kementerian Luar Negeri (KLN) sedang dalam usaha membawa pulang 41 rangka manusia Guar Kepah yang kini tersimpan di *Collection Centre Netherlands* (CCNL).

"Pihak Kerajaan Belanda melalui Kementerian Pendidikan, Budaya dan Sains Belanda telah bersetuju untuk memulangkan rangka-rangka tersebut kepada Kerajaan Malaysia dengan mengambil kira kepentingan objek warisan kepada negara khususnya Pulau Pinang.

"Pusat ini dijangka siap pada akhir suku kedua dan dibuka kepada umum pada akhir tahun 2024," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke tapak pembinaan galeri warisan berkaitan di sini pada 14 Mei lalu.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Mohamad Haris Kader Sultan; pakar arkeologi, Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin; Pengarah Centre for Global Archaeological Research, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dr. Stephen Chia; Pengurus Besar CMI, Datin S. Bharathi dan Pegawai Penyelaras Khas kepada Ketua Menteri, Lay Hock Peng.

Hon Wai menyatakan bahawa pembinaan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah adalah bertujuan mempamerkan kesemua artifak dan rangka Guar Kepah serta memartabatkan warisan sejarah negeri Pulau Pinang.

"Jumpaan 2017 adalah yang paling signifikan iaitu rangka manusia Guar Kepah dikenali sebagai *'Penang Woman* (GK2017)' yang berusia lebih 5,000 tahun dan akan menjadi bahan pameran utama di pusat ini.

"Selain itu, sebanyak 42 individu rangka manusia ditemui di Guar Kepah termasuk *'Penang Woman'* serta 41 rangka Guar Kepah dijumpai semasa ekskavasi P.V van Stein Callenfels (1936) yang kini disimpan di Leiden, Belanda dan akan dibawa pulang ke sini kelak," ujarnya.

Tambah beliau, pembangunan galeri warisan dua tingkat dengan konsep *archaeco-edu-tourism* berkaitan adalah merangkumi komponen-komponen seperti ruang pameran interaktif, dewan seminar, tapak timbunan cengkerang, ruang pentadbiran serta kemudahan untuk pengunjung.



**RUPA bentuk struktur bangunan yang hampir siap kini.**

"Komponen pembangunan ini turut memuatkan kafe dan kioks cenderamata dengan mengambil kira aspek sosioekonomi setempat.

"Bagi memastikan galeri ini turut menjadi pusat penyelidikan dan pemuliharaan rangka serta artifak arkeologi, satu ruang makmal penyelidikan serta ruang simpanan artifak atau rangka turut disediakan," ulasnya lanjut.



**REPLIKA kepah yang menjadi simbolik kepada galeri berkaitan.**



**RUANG pameran dalaman.**



**ILUSTRASI keseluruhan galeri.**

# FTC World Championship asas kuat daya

**FIRST** *Tech Challenge (FTC) World Championship* yang berlangsung di Houston, Texas, Amerika Syarikat pada 17 hingga April 2024 telah melabuhkan tirai saingan.

Daripada lebih 200 penyertaan atau 58 pasukan yang menyertai pertandingan berprestij peringkat dunia itu, 'Robodes' iaitu pasukan pelajar dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Chung Ling Butterworth berjaya berada dalam kedudukan ke-22 terbaik.

Membanggakan!

Semasa dihubungi, Ketua Pasukannya, **TEH BING QUAN** memberitahu bahawa saingan dalam kejohanan tersebut memang diakui sengit.

"Cabaran bagi kumpulan kami antaranya adalah untuk mengintegrasikan reka bentuk robot kami dengan sistem berkaitan agar dapat berfungsi pintar dan stabil.

"Bagaimanapun, pendekatan saingan sebegini sebenarnya telah memberikan suatu pengalaman dan cara berfikir yang lebih positif sesama kami dalam satu pasukan, saling mencanai jalan penyelesaian serta membuat keputusan yang terbaik (dalam menghasilkan reka bentuk robot semasa bertandingan).

"Bagi saya sendiri, cabaran paling besar yang dirasai adalah dalam soal pengurusan masa bagi menyiapkan hasil reka cipta mengikut piawaian yang ditetapkan dalam saingan serta semangat dedikasi sesama anggota kumpulan," jelasnya semasa dihubungi wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** pada 22 Mei 2024.

Menurut Bing Quan, tanpa semangat bekerjasama yang tinggi dalam kalangan anggota kumpulan yang lain iaitu **TAN ETHAN, CHUAH LEON** dan **LEE YU HENG**, mungkin Robodes tidak berada pada kedudukan terbaiknya buat masa ini.

Selain itu, Bing Quan menyatakan bahawa pengalaman menyertai kejohanan berprestij itu akan menjadi asas yang kuat untuk pasukannya menyertai kejohanan berprestij lain, jika dipilih atau diberi peluang kelak.





TEH Bing Quan.

"Paling penting, kerja-kerja mereka cipta robot berjaya disempurnakan seperti yang direncana, di samping menimba pengalaman bersaing dalam semangat berpasukan, belajar daripada guru-guru penasihat serta berpeluang melihat kebijakan pasukan-pasukan lain juga.

"Paling penting bukan sahaja kemahiran teknikal, malah semangat berpasukan, kepimpinan dan sebagainya.

"Penyertaan dalam saingan ini *(FTC World Championship)* sudah tentu memanggang keghairahan kami dalam bidang robotik dan teknologi, inilah misi jelas dalam bidang kejuruteraan pembuatan yang mungkin akan kami ceburi kelak.

"Sesungguhnya, pengalaman ini adalah asas yang kuat untuk kami terus berusaha pada masa akan datang," tegasnya.

Selain itu, beliau memberitahu bahawa pasukannya akan berusaha menyertai bengkel penciptaan robotik secara dalam talian, sebagai persiapan tambahan, untuk mencabar kemampuan pasukannya pada masa hadapan.

Dari perspektif lain pula, Bing Quan memaklumkan bahawa pasukannya akan berusaha memburu peluang termasuk lebih banyak penajaan bagi menghasilkan reka bentuk robotik yang lebih jitu dan pintar seperti kumpulan-kumpulan peserta lain dari seantero dunia.

"Ini (isu penajaan yang terhad) juga adalah suatu isu yang kami akan berusaha untuk mencari lebih banyak peluang atau penaja bagi menyahut cabaran pada musim saingan akan datang," ujarnya.

Guru Penasihat Robodes, **CIKGU NORHAZIMAH AHMAD SUPAAT**, 37, yang dihubungi sebelum itu turut memberitahu Buletin Mutiara bahawa pencapaian semasa pasukan dalam saingan peringkat antarabangsa baru-baru ini sedikit pun tidak mematahkan semangat Bing Quan dan rakan-rakannya.

Malah, tambah Norhazimah, Robodes sedang berusaha untuk membuat beberapa persiapan awal yang wajar bagi menyahut cabaran dalam musim baharu saingan itu kelak.

"Paling penting yang saya lihat sekalian anggota pasukan Robodes



PENELITIAN hasil ciptaan.

# *Amerika Syarikat* cipta Robodes



REKAAN yang dipertandingkan.



PASUKAN Robedes yang dianggotai oleh (dari kanan) Norhazimah Ahmag Supaat, Tan Ethan, Chuah Leon, Lee Yu Heng dan Teh Bing Quan merakam gambar kenangan bersama-sama sambil menunjukkan rekaan robot mereka.



PENINGKATAN daya fungsi robot yang dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

mendapat pendedahan dan pengalaman… contohnya pasukan dari negara Amerika Syarikat banyak berkongsi panduan bagaimana untuk meningkatkan daya fungsi robot yang dihasilkan oleh kumpulan itu.

"Saya juga diberitahu bahawa Robodes semasa ini sedang berusaha mencari lebih banyak penaja, kata mereka, apabila ada pendanaan (kewangan) yang banyak dan cukup, mereka boleh menghasilkan robot dengan daya fungsi yang lebih hebat," ulasnya sambil memberitahu bahawa Robodes mungkin akan mengekalkan konsep penggunaan barangan kitar semula dalam reka bentuk robotik mereka.

Terdahulu, Bing Quan antara lain memberitahu bahawa walaupun Robodes buat kali pertama menyertai *FTC World Championship*, namun sebelum ini telah ada pasukan pelajar lain dari SMJK Chung Ling Butterworth pernah menyertai pasukan berprestij tersebut.

Mengambil masa kira-kira sebulan sebelum terbang ke Houston, Texas, Amerika Syarikat, Bing Quan berkata bahawa tumpuan Robodes adalah pada persiapan akhir berkaitan seperti proses pengekodan dan menstabilkan daya fungsi robot.

"Robot kami dihasilkan daripada platform boleh guna semula, dikuasakan dengan teknologi android serta boleh diprogramkan menerusi penggunaan pelbagai peringkat pengekodan berasaskan Java," jelasnya.

ViTrox Corporation Berhad merupakan antara sektor industri bukan kerajaan yang menyumbang RM30,000 untuk menampung kos perbelanjaan penerbangan Robodes ke Amerika Syarikat.

Begitu juga pihak SMJK Chung Ling Butterworth yang menyumbang RM10,000, hampir kesemuanya dimanfaatkan untuk kos membina robotik kebanggaan negeri dan mungkin negara ketika ini.



SEMANGAT berpasukan yang turut menjadi intipati utama kejayaan pasukan Robodes.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican<br>dsrmpusatkhidmat@gmail.com | (T)<br>(F) |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Syn Tze<br>n07sungaipuyu@gmail.com | (T) 012 - 428 5594<br>(F) |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Chee Yeeh Keen<br>cheeyeehkeen@gmail.com | (T) 018 - 388 6317<br>(F) |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Kumaran Krishnan @ Calvin<br>bagandalamn09@gmail.com | (T) 04 - 313 1002<br>(F) |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
